

PM tetap enggan campur tangan

BH - 9/12/2019 m/s: 2

Dr Mahathir yakin selisih faham Anwar, Azmin tak jejas pentadbiran Kerajaan PH

Oleh M Hifzuddin Ikhsan
hifzuddin@bh.com.my

Langkawi: Tun Dr Mahathir Mohamad mengulangi pendirian tidak akan campur tangan dalam konflik dalaman parti antara Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan timbalannya, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Menyifatkan perselisihan faham dalam kepemimpinan parti politik sebagai perkara biasa, Perdana Menteri yang juga Pengerusi Pakatan Harapan (PH) yakin perkara itu tidak akan menjejaskan PH dan pentadbiran Kerajaan Persekutuan.

“Ini masalah dalaman PKR, saya tidak akan campur tangan. Saya harap kita boleh bekerjasama dan kerajaan terus berwibawa. Perselisihan faham memang berlaku dalam mana-mana kepemimpinan, tetapi saya yakin ia tidak akan sehingga menjejaskan PH dan pemerintahan kerajaan,” katanya.

Bercakap pada sidang media selepas Majlis Ramah Mesra Bersama Ketua Jabatan dan Pimpinan PH Langkawi, di sini semalam, Dr Mahathir yang juga Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU), menegaskan apa yang beliau mahu ketika ini adalah kerajaan dapat terus



Dr Mahathir bergambar sempena Majlis Ramah Mesra Bersama Ketua Jabatan dan Pimpinan PH Langkawi, semalam.

(Foto BERNAMA)

berfungsi dengan baik dan berwibawa dalam menggerakkan negara.

Perdana Menteri juga percaya PKR menjadi tumpuan ketika ini kerana parti itu adalah sebahagian daripada kerajaan yang memerintah sekarang.

“Parti lawan pun ada masalah, tetapi mereka tidak jadi kerajaan dan orang tidak peduli. Bila kita jadi kerajaan, jika ada selisih faham, walaupun sedikit dan biasa sahaja, maka ia jadi tumpuan,” katanya.

Beliau diminta mengulas kekecohan pada Kongres Nasional PKR di Melaka, semalam apabila Mohamed Azmin bersama sebahagian Ahli Majlis Pimpinan Pu-

Perselisihan faham memang berlaku dalam mana-mana kepemimpinan, tetapi saya yakin ia tidak akan sehingga menjejaskan PH dan pemerintahan kerajaan.

Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri

sat (MPP) parti itu serta penyokongnya meninggalkan dewan persidangan kerana mendakwa pentas perbahasan bertukar menjadi medan ‘serangan peribadi’ terhadapnya.

Timbalan Presiden PKR itu juga mendakwa Anwar gagal memenuhi janji memastikan pembahas patuh pada kerangka dan parameter ucapan yang dipersetujui pada mesyuarat khas antara mereka di bangunan Parlimen pada Rabu lalu.

Persetujuan itu antara lain adalah komposisi pembahas adalah adil dan mewakili semua pihak, selain tidak dibenarkan menyeringung, menyindir dan menyerang mana-mana pihak.

Hari terakhir kongres semalam pula bermula tanpa kehadiran Menteri Hal Ehwal Ekonomi itu serta pimpinan yang menyokongnya.

Sementara itu, Dr Mahathir ketika ditanya mengenai isu daulah terpendam dalam kalangan kakitangan awam, menegaskan beliau yakin kerajaan dapat menyelesaikan masalah itu dalam tempoh masa terdekat.

“Masalah dendam (terhadap kerajaan) memang ada, tetapi saya ingat kita boleh bendung perkara ini, ia bukan masalah.

“Pada zaman saya jadi Perdana Menteri dulu pun, berlaku banyak masalah, tetapi kita boleh mentadbir juga,” katanya.